

Menggilap Pemikiran Futuristik Pelajar di Universiti Berfokus Menerusi Pendekatan Keusahawanan Sosial: Mitos atau Realiti?

Polishing the Futuristic Thinking of Students in Focused Universities Through A Social Entrepreneurial Approach: Myth or Reality?

Hariyaty Ab Wahid^{1*}, Rafiduraida Abdul Rahman¹, Wan Salmuni Wan Mustaffa¹, Wan Mohd Nazri Wan Daud²

¹ Department of Business Management and Entrepreneurship, Faculty of Management and Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

² Faculty of Business and Management, Gong Badak Campus, 21300 Kuala Nerus, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

*Corresponding author email: hariyaty@fpe.upsi.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 13 Oktober 2025

Revised: 20 December 2025

Accepted: 15 January 2026

Published: 1 June 2026

KEYWORDS

Keusahawanan Sosial

Pemikiran Futuristik

Universiti Berfokus

Pendidikan Berkualiti

DOI:

<https://doi.org/10.37134/mrj.vol15.1.1.2026>

ABSTRAK - Keperluan untuk menzahirkan pelajar yang berilmu dan berwawasan bagi masa depan negara semakin kritikal dalam landskap pendidikan tinggi pada masa kini. Sehubungan itu, kehadiran keusahawanan sosial dalam kurikulum pengajian tinggi amat dialu-alukan dengan harapan agar pendekatan keusahawanan sosial tersebut dapat membantu membina pelajar yang peka terhadap keperluan masyarakat dan mengamalkan inovasi untuk menyelesaikan sebarang isu yang berkaitan. Pelajar di universiti dituntut untuk menggilap pemikiran futuristik agar mampu mengenal pasti keperluan dan peluang pada masa akan datang. Oleh yang demikian, kertas konsep ini akan mengupas persoalan sama ada pendekatan keusahawanan sosial sebagaimana yang dihasratkan mampu menggilap pemikiran futuristik dalam kalangan pelajar universiti, atau sekadar menjadi retorik pendidikan moden. Pendekatan keusahawanan sosial yang dilaksanakan secara strategik dan berstruktur berpotensi menjadi pemangkin pembangunan pemikiran futuristik pelajar, selain mendorong pemikiran kreatif dan empatik. Justeru, kertas konsep ini membincangkan dan merumuskan beberapa cadangan praktikal untuk penggubal dasar serta penyedia program pendidikan tinggi bagi memperkukuh keberkesanan pendekatan keusahawanan sosial dalam menggilap pemikiran futuristik pelajar di universiti.

ABSTRACT - *The need to cultivate students who are knowledgeable and have a vision for future needs is increasingly crucial in the contemporary landscape of higher education. Therefore, the inclusion of social entrepreneurship in higher education curricula is increasingly welcomed, with the expectation that this approach can foster students' development attuned to societal needs and encourage innovative practices to address related challenges. University students are entrusted with honing their futuristic thinking to identify future needs and opportunities. With that, this article investigates whether the social entrepreneurship approach, as intended, can enhance futuristic thinking among university students, or whether it merely serves as rhetoric in modern education. The literature review indicates that a social entrepreneurship approach, implemented strategically and systematically, has the potential to be a catalyst for the development of students' futuristic, creative, and empathetic thinking. Thus, this concept paper proposes several practical suggestions for policymakers and higher education programme providers to strengthen the effectiveness of the social entrepreneurship approach and foster students' futuristic thinking in universities.*

PENGENALAN

Universiti berfokus adalah universiti yang merekayasa program-program pendidikan bagi melahirkan graduan holistik, berminda kreatif dan inovatif dalam bidang spesifik seperti pendidikan, pengurusan, pertahanan, kejuruteraan, dan keusahawanan. Selari dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), universiti berfokus turut digesa menahirkan graduan usahawan dengan pemikiran futuristik bagi membantu mengurangkan dan menangani isu-isu kompleks masyarakat seperti kemiskinan, keciciran pendidikan, pencemaran alam, serta pengupayaan komuniti setempat (Hamid et al., 2024). Penerima manfaat bagi kegiatan keusahawanan sosial perlu diperhalusi dan dikenal pasti supaya misi sosial yang digiatkan membuahkan impak yang tinggi (Ab Wahid et al., 2024).

Di sini, pendekatan keusahawanan sosial bertepatan untuk digiatkan dan berpotensi menggalakkan pemikiran futuristik pelajar bagi mempersiapkan mereka menghadapi cabaran global selepas bergraduasi. Namun begitu, timbul persoalan sejauh mana pendekatan ini benar-benar mampu membentuk pemikiran futuristik pelajar atau sekadar menjadi mitos yang popular dalam wacana pendidikan kontemporari (Hamid et al., 2018). Walaupun keusahawanan sosial semakin diberi penekanan dalam pendidikan tinggi di Malaysia sebagai medium untuk melahirkan graduan yang berdaya saing dan berorientasikan masa hadapan, persoalan mengenai keberkesanan pendekatan ini dalam membentuk pemikiran futuristik pelajar masih belum terjawab secara empirikal. Wacana pendidikan kontemporari sering mendakwa bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan sosial berpotensi merangsang keupayaan mereka untuk berfikir secara *anticipatory*, *visioning*, serta mengenal pasti peluang masa depan (Sharpe, 2019; UNESCO, 2022). Namun, kebenaran dakwaan tersebut masih kabur, memandangkan belum terdapat bukti kukuh yang menunjukkan hubungan kausal antara keusahawanan sosial dan pembangunan pemikiran futuristik pelajar universiti yang berfokus di Malaysia.

Tambahan pula, masih tidak jelas apakah bentuk pemikiran futuristik yang paling relevan untuk menyokong keupayaan pelajar dalam mengenal pasti peluang keusahawanan sosial serta menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh komuniti sasaran. Literatur menunjukkan bahawa pemikiran futuristik merangkumi elemen seperti literasi masa depan, pandangan strategik, dan kemampuan membayangkan senario masa depan yang berdaya tindak (Miller, 2018; Inayatullah, 2020). Sehubungan itu, untuk menjadikan keusahawanan sosial satu realiti yang berimpak tinggi, usaha sistematik dan berterusan perlu digembleng oleh semua pihak yang terlibat dalam ekosistem pendidikan tinggi. Apakah subdimensi keusahawanan sosial dan pemikiran futuristik yang sesuai dijadikan asas untuk membincangkan kedua-dua dimensi tersebut? Justeru, kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan pendekatan keusahawanan sosial terhadap pembentukan pemikiran futuristik dalam kalangan pelajar universiti, dengan menelusuri subdimensi yang membentuk kerangka konsep bagi kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

1.1 Keusahawanan Sosial dan Pemikiran Futuristik dalam Kalangan Pelajar Universiti: Satu Keperluan Masa Kini

Keusahawanan sosial merupakan pendekatan inovatif ke arah transformasi sosial masyarakat (Hamid et al., 2024). Manakala pemikiran futuristik merupakan keupayaan melihat elemen lalu dan masakini bagi menjangkakan peluang yang mungkin masa akan datang (Mustaffa & Ghani, 2020). Kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh perusahaan pemula berasaskan keusahawanan sosial sedikit sebanyak membuka mata masyarakat, kerajaan serta pusat pengajian tinggi berkaitan kepentingan keusahawanan sosial untuk dibudayakan (Ab Wahid et al., 2024; Mappah, 2024). Apakah yang membuatkan usahawan sosial berjaya dalam perusahaan sosial mereka? Bagaimanakah cara pemikiran mereka usahawan sosial berjaya? Kajian lepas menunjukkan bahawa usahawan sosial merupakan insan yang sentiasa berfikir ke hadapan, peka dengan peluang yang tersedia, mampu meneroka peluang untuk menyelesaikan masalah masyarakat secara inovatif dan tidak pernah mengutamakan keuntungan peribadi dalam apa yang diusahakan (Yaacob, 2023; Abd Muin et al., 2018).

Memandangkan usahawan sosial berjaya mempunyai pemikiran yang futuristik, maka pemikiran yang sama perlu digilap kepada pelajar di pusat pengajian tinggi (Nasir & Sintang, 2018). Oleh itu, kajian berkaitan keusahawanan sosial dan pemikiran futuristik dalam kalangan pelajar di Malaysia perlu digiatkan bagi merealisasikan usahawan sosial siswa yang altruistik, yang berupaya membantu golongan yang kurang bernasib baik (Ab Wahid et al., 2024). Hal ini selari dengan sasaran pihak

kerajaan yang menghendaki lebih ramai graduan bergiat aktif dalam keusahawanan sosial dan berpemikiran futuristik (Abd Aziz, 2023; Razali et al., 2022).

Namun, keusahawanan sosial masih kurang difahami oleh para pelajar. Institusi pendidikan perlu mengambil langkah untuk meningkatkan kesedaran ini melalui kurikulum yang relevan (Ab Wahid et al., 2024; Achmad, 2023). Sementara itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan kemahiran pemikiran futuristik dalam kalangan pelajar universiti agar mereka dapat meramal dan menangani cabaran sosial masa depan dengan lebih baik (Yacob et al., 2023). Pemikiran futuristik penting untuk menghasilkan graduan yang mampu membuat keputusan jangka panjang dan strategik dalam konteks keusahawanan sosial (Voros, 2017). Selain itu, pemikiran futuristik ini amat penting untuk dikuasai oleh pelajar universiti bagi memastikan mereka dapat mendepani cabaran dunia pekerjaan dan perniagaan pada masa akan datang (Khalil et al., 2020).

Sehubungan itu, bagi mendorong lebih ramai pelajar terlibat dalam keusahawanan sosial, institusi pendidikan dan kerajaan perlu menawarkan lebih banyak insentif, termasuk peluang latihan dan sokongan pembiayaan (Hishamuddin et al., 2023; Nicholls, 2010). Universiti sebagai pusat tautan dan limpahan ilmu, memikul peranan yang besar dalam mengarusperdanakan keusahawanan sosial ini. Strategi bagi meningkatkan aspek pembudayaan nilai dan aspek keusahawanan sosial wajar dikenal pasti dan diterapkan bermula dari peringkat penggubalan silibus pembelajaran di universiti (malaysiagazette.com, 2023). Namun, apakah bentuk pemikiran yang relevan membantu pengenalan peluang keusahawanan sosial? Sejauh manakah pengaruh program-program bercorak keusahawanan sosial terhadap perkembangan pemikiran futuristik pelajar?

Hakikatnya, pengajaran kursus berkaitan keusahawanan sosial secara formal di peringkat pengajian tinggi adalah merupakan kursus yang agak baharu berbanding kursus keusahawanan dan peniagaan tradisional. Secara praktikal dan pedagogikal, pendidikan keusahawanan sosial ini sentiasa dalam proses percubaan, eksperimen dan eksplorasi sehingga membawa kepada debat tentang kewajarannya (Razali et al., 2022). Sungguhpun begitu, kemahiran keusahawanan sosial perlu diajar di pelbagai peringkat akademik, sama ada ijazah ataupun diploma, dengan mengambil kira kepentingannya dalam membentuk modal sosial yang berpotensi membantu kerajaan mengekang isu sosial yang kian meningkat saban hari (SEMy2030). Memandangkan wujud minat yang semakin meningkat dalam kalangan pelbagai pihak untuk meneroka keusahawanan sosial sebagai pemacu alternatif bagi agenda pembangunan masyarakat Malaysia, maka adalah penting agar jurang kajian dalam konteks ini dikenal pasti dan diselesaikan (Azis et al., 2023).

Berdasarkan permasalahan di atas, sorotan literatur mendalam perlu dijalankan untuk mengenal pasti kaitan antara keusahawanan sosial dan pemikiran futuristik. Selain itu, masalah yang wujud dalam usaha menggalakkan keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti, terutamanya dalam konteks keperluan untuk mempertingkatkan pemikiran futuristik perlu diperjelaskan. Usaha ini juga penting untuk membantu mencadangkan kepada universiti berkaitan peranan proaktif yang perlu digiatkan dalam memupuk nilai pemikiran futuristik dan inovasi sosial dalam kalangan pelajar. Hal ini bertujuan untuk memastikan pelajar universiti lebih bersedia menghadapi cabaran sosial pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, kertas konsep ini akan membincangkan potensi keusahawanan sosial dalam menggilap pemikiran futuristik pelajar universiti berfokus di Malaysia. Kertas konsep ini turut mencadangkan kerangka konsep keusahawanan sosial dan pemikiran futuristik di universiti berfokus agar dapat menjadi rujukan ke arah merangka program-program bercorak keusahawanan sosial bagi meningkatkan kemenjadian graduan holistik. Secara keseluruhannya, keterlibatan universiti berfokus di Malaysia dalam kajian keusahawanan sosial bukan sahaja memperkukuhkan peranan mereka sebagai institusi pendidikan tinggi, tetapi juga membantu menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara secara berkesan.

SOROTAN LITERATUR

Keusahawanan sosial ialah satu bidang yang menggabungkan objektif ekonomi dengan impak sosial. Ia merujuk kepada usaha yang dijalankan oleh individu atau organisasi yang bertujuan menyelesaikan masalah sosial, di samping mencipta model perniagaan yang mampan dan inovatif (Achmad, 2023; Ab Wahid et al., 2019). Keusahawanan sosial juga merujuk kepada usaha mencipta nilai sosial melalui

penyelesaian inovatif terhadap isu masyarakat yang kritikal, seperti kemiskinan, pendidikan, kesihatan dan kelestarian alam sekitar (Hishamuddin et al., 2023). Dalam keusahawanan sosial, misi sosial adalah pusat eksplisit untuk usahawan sosial dan mereka dinilai secara relatif kepada pencapaian misi sosial berimpak, dan bukan semata-mata kepada kekayaan (Nteere, 2021). Bagi usahawan sosial, kekayaan hanyalah satu cara untuk mencapai tujuan tertentu dan mereka akan memenuhi keperluan sosial yang tidak diendahkan oleh pengusaha niaga berasaskan keuntungan (Hidalgo et al., 2021). Sebaliknya, bagi usahawan komersial, penjana kekayaan adalah satu cara untuk mengukur penciptaan nilai.

Mutakhir ini, peningkatan bilangan usahawan sosial di seluruh dunia adalah menggalakkan dan didapati bahawa ramai individu, termasuk pelajar universiti, bersemangat untuk menangani masalah sosial atau alam sekitar serta mengembangkan perniagaan mereka bagi memberi impak sosial (Klarin & Suseno, 2023). Diinspirasikan oleh kisah-kisah usahawan sosial berjaya, antaranya Florence Nightingale (pengasas sekolah jururawat pertama) dan Robert Owen (pengasas koperasi) serta Profesor Dr. Muhammad Yunus, pengasas Grameen Bank di Bangladesh yang memenangi Anugerah Nobel Keamanan sekitar tahun 2006. Profesor Dr. Muhammad Yunus telah menunjukkan bagaimana perusahaan sosial seperti *Grameen Bank* mampu membantu masyarakat miskin keluar dari kitaran kemiskinan melalui mikro Kredit (Ab Wahid et al., 2024; Azamri & Ibrahim, 2024; Nteere, 2021). Hal ini menunjukkan bahawa perniagaan boleh menjadi agen perubahan yang kuat jika disertakan dengan misi sosial yang jelas dan sistem perniagaan yang mampan (Anita & Sos, 2023).

Universiti di seluruh dunia turut mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh keusahawanan sosial dalam pembangunan masyarakat dan ekonomi (Nawi & Ismail, 2020). Kebanyakan universiti tersebut telah memperkenalkan kursus dan program berkaitan keusahawanan sosial untuk membina pemikiran kritis dan empati dalam kalangan pelajar, termasuk universiti berfokus di Malaysia (Razali et al., 2022). Pendidikan keusahawanan sosial dipercayai membantu pelajar memahami bahawa perniagaan boleh memberikan kesan sosial yang positif, dan bukan sekadar mengejar keuntungan (Abd Muin et al., 2018).

Dalam konteks universiti di Malaysia, usaha untuk menggalakkan keusahawanan sosial dan pemikiran futuristik adalah penting untuk melahirkan graduan yang bersedia untuk menyumbang kepada masyarakat secara lebih bermakna. Universiti boleh memperluas program keusahawanan sosial dan mengintegrasikan unsur pemikiran futuristik dalam kurikulum untuk memupuk pelajar yang lebih proaktif, inovatif, dan bertanggungjawab sosial (Ahmad & Moi, 2021). Di peringkat pendidikan tinggi, pendekatan ini telah mula diperkenalkan sebagai sebahagian daripada inisiatif memupuk pelajar berdaya saing, beretika dan bertanggungjawab sosial. Usahawan sosial bukan sahaja berfokus pada keuntungan semata-mata, tetapi juga pada perubahan positif yang mereka bawa kepada masyarakat (Ahmad et al., 2023). Perkara ini menjadikan keusahawanan sosial sebagai satu pendekatan yang penting dalam menangani pelbagai cabaran sosial seperti kemiskinan, ketidaksetaraan, dan kelestarian alam sekitar (Syah, 2024; Ramly et al., 2021).

Tambahan pula universiti berfokus merupakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia yang menumpukan kepada bidang tertentu seperti teknikal, kejuruteraan, pendidikan, atau sains sosial (Habidin et al., 2021). Kewujudannya bertujuan menghasilkan graduan yang berketerampilan, kompeten dan berdaya saing dalam bidang-bidang khusus tersebut, sejajar dengan keperluan pasaran dan pembangunan negara. Pelaksanaan kursus-kursus yang memfokuskan kepada pembangunan komuniti, perniagaan mampan, serta pemikiran futuristik akan memberi nilai tambah kepada pendidikan tinggi, serta memperkuat peranan universiti dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara (Ibrahim & Esa, 2016).

Berbeza dengan universiti penyelidikan dan universiti komprehensif, universiti berfokus menumpukan kepada satu atau beberapa bidang utama (Mohd Noor & Hed, 2024; Azman et al., 2022). Manakala kurikulum yang spesifik bagi program pengajian disusun untuk memenuhi keperluan industri atau sektor tertentu (Jamil et al., 2021). Hal ini membantu graduan universiti tersebut memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang lebih mendalam serta menjurus kepada bidang kepakaran, agar pelajar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran sebenar dalam kerjaya mereka (Sawal et al., 2020). Universiti berfokus juga sering bekerjasama rapat dengan industri, agensi kerajaan, dan sektor swasta untuk memastikan kandungan pendidikan mereka relevan dengan permintaan pasaran kerja (Abdullah & Abd Majid, 2022).

Universiti juga sering berfokus pada penyelidikan yang lebih terarah kepada aplikasi praktikal dalam industri atau bidang khusus yang mereka tekuni. Beberapa contoh universiti yang berfokus di Malaysia termasuk Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), yang masing-masing menumpukan pada bidang pendidikan, teknikal, dan keusahawanan (Saleh et al., 2020). Institusi-institusi ini berperanan penting menzahirkan modal insan kompeten bagi mengisi keperluan tenaga kerja mahir dalam sektor-sektor kritikal serta menyokong agenda pembangunan negara (Omar et al., 2022).

Namun, adalah amat menyedihkan apabila usaha murni yang digiatkan mendapat penyertaan yang minimum daripada pelajar. Hakikatnya, penglibatan pelajar universiti dalam keusahawanan sosial masih di tahap rendah dan hanya 33 peratus sahaja pelajar terbabit yang mempunyai kesedaran berkaitan keusahawanan sosial (Mohamad Razali et al., 2022). Antara cabaran utama pendidikan pengajian tinggi masakini adalah meliputi kualiti dan kompetensi graduan dan krisis identiti (Yunus, 2022). Maka, sebagai pusat limpahan ilmu, universiti berfokus perlu melipatgandakan usaha mempromosi keusahawanan sosial. Universiti berfokus juga perlu bertindak sebagai inkubator untuk idea-idea keusahawanan sosial yang memberikan pelajar peluang untuk terlibat dalam projek-projek yang memberi impak kepada komuniti. Melalui projek keusahawanan sosial, pelajar dapat melihat bagaimana inovasi dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah sosial seperti kelestarian alam sekitar, pendidikan, dan penjagaan kesihatan (Rahayu et al., 2024).

2.1 Keusahawanan Sosial dan Pemikiran Futuristik

Teori Keusahawanan Sosial menekankan kepada penyelesaian inovatif kepada masalah masyarakat melalui pendekatan keusahawanan (Nteere, 2021; Nicholss & Cho, 2008). Dalam konteks keusahawanan sosial, teori ini menggalakkan integrasi pembelajaran melalui pengalaman semasa pelajar berkecimpung dalam projek atau aktiviti keusahawanan sosial. Kolb (1984), menekankan pembelajaran melalui pengalaman yang mencerminkan konteks dunia sebenar. Melalui pendekatan ini, pelajar yang bakal menjadi usahawan sosial mendapat inspirasi untuk terlibat secara langsung dalam cabaran sosial yang perlu ditangani.

Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman yang diperkenalkan oleh Kolb (1984) menegaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui suatu kitaran dinamik yang merangkumi empat fasa utama, iaitu pengalaman konkrit (*concrete experience*), pemerhatian reflektif (*reflective observation*), konseptualisasi abstrak (*abstract conceptualization*) dan eksperimentasi aktif (*active experimentation*). Dalam konteks pendidikan tinggi, teori ini menyediakan kerangka pedagogi yang berkesan untuk menghubungkan keusahawanan sosial dengan pemikiran futuristik dalam kalangan pelajar.

Melalui aktiviti pembelajaran berasaskan pengalaman seperti projek keusahawanan sosial, pembelajaran berasaskan komuniti, atau *service learning*, pelajar didedahkan secara langsung kepada isu-isu sosial sebenar seperti kemiskinan bandar, ketidaksamaan pendidikan, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan komuniti terpinggir (Zainal et al., 2025). Pengalaman konkrit ini membina kesedaran sosial, empati dan nilai altruistik yang merupakan asas kepada keusahawanan sosial. Pada masa yang sama, pendedahan ini mencetuskan kesedaran awal tentang cabaran jangka panjang yang bakal dihadapi masyarakat pada masa hadapan (Khalim et al., 2025).

Dalam fasa pemerhatian reflektif, pelajar digalakkan untuk menganalisis dan merenung pengalaman mereka secara kritikal. Proses refleksi ini membantu pelajar memahami punca masalah sosial, kekangan sistem semasa, serta implikasi jangka panjang sekiranya isu tersebut tidak ditangani secara mampan. Refleksi ini mendorong pelajar untuk berfikir melangkaui penyelesaian jangka pendek dan mula mempertimbangkan senario masa hadapan, seterusnya memupuk elemen pemikiran futuristik seperti *foresight*, jangkaan risiko dan kesedaran perubahan global. Perkara ini adalah selari dengan saranan Azizan dan Abd Rani (2024) mengaitkan individu dengan pemikiran unik tersebut (keusahawanan) mempunyai keupayaan yang lebih tinggi dalam mengenali pasti serta memanfaatkan peluang serta sanggup mengambil risiko.

Pada peringkat konseptualisasi abstrak, pelajar menghubungkan pengalaman dan refleksi mereka dengan teori, model dan kerangka pemikiran keusahawanan sosial serta konsep futuristik seperti pembangunan mampan, Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), inovasi sosial dan teknologi masa hadapan (Mappah, 2024). Di sinilah pemikiran futuristik diperkukuh melalui keupayaan pelajar membina idea, model perniagaan sosial dan strategi inovatif yang bukan sahaja menyelesaikan

masalah semasa, tetapi juga relevan dan berdaya tahan dalam menghadapi perubahan masa hadapan (Razali et al., 2022).

Fasa eksperimentasi aktif membolehkan pelajar mengaplikasikan idea dan model yang telah dibangunkan melalui prototaip, projek perintis atau simulasi perniagaan sosial. Pelajar menguji keberkesanan penyelesaian mereka dalam konteks sebenar atau separa sebenar, sambil mengambil kira ketidakpastian masa hadapan, perubahan teknologi dan keperluan masyarakat yang dinamik (Nasri et al., 2024). Proses ini menggalakkan keberanian mencuba, pemikiran adaptif, dan keupayaan membuat keputusan strategik yang berorientasikan masa hadapan.

Secara keseluruhan, Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman bertindak sebagai jambatan yang menyepadukan dimensi nilai (keusahawanan sosial) dan dimensi temporal (pemikiran futuristik). Melalui kitaran pembelajaran Kolb, pelajar bukan sahaja dibentuk sebagai individu yang peka terhadap keperluan sosial semasa, malah sebagai ejen perubahan yang mampu menjangka cabaran masa hadapan serta merangka penyelesaian sosial yang inovatif, lestari dan berimpak tinggi (Mustafa, 2024).

Teori pembelajaran pengalaman membantu merapatkan jurang antara pengetahuan teori dan aplikasi praktikal. Sebagai contoh, kajian oleh Teasdale et al. (2021) menyerlahkan bahawa pelajar yang terlibat dalam pembelajaran berasaskan pengalaman lebih bersedia untuk mengenal pasti dan melaksanakan penyelesaian yang mampan untuk isu sosial. Pembelajaran berasaskan pengalaman ini membolehkan pelajar terlibat dalam aktiviti seperti penubuhan perniagaan sosial, kerja amal, atau projek komuniti yang memberi impak sosial. Pengalaman langsung ini membantu pelajar memahami dinamika sebenar keusahawanan sosial dan mengaplikasikan pengetahuan teoretikal dalam situasi sebenar (Ibrahim et al., 2025; Othman et al., 2023).

Berasaskan integrasi Teori Keusahawanan Sosial dan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Kolb, 1984), kertas konsep ini memberi tumpuan kepada potensi keusahawanan sosial ke arah menggilap pemikiran futuristik dalam kalangan pelajar universiti. Teori Keusahawanan Sosial menekankan penciptaan nilai sosial, misi sosial yang jelas, inovasi, dan kelestarian dengan impak jangka panjang. Secara intrinsik, bagi merealisasikan aktiviti keusahawanan sosial menuntut seseorang individu usahawan yang berkeupayaan menjangka perubahan dan cabaran masa hadapan. Dalam konteks ini, pemikiran futuristik berfungsi sebagai dimensi temporal yang membolehkan pelajar merangka penyelesaian sosial yang bukan sahaja relevan terhadap masalah semasa, malah berdaya tahan dan adaptif terhadap ketidakpastian masa hadapan. Namun demikian, teori ini lebih menumpukan kepada orientasi nilai dan matlamat sosial, dan kurang menghuraikan mekanisme pembelajaran yang membentuk keupayaan pemikiran futuristik tersebut.

Sehubungan itu, Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Kolb, 1984) melengkapkan jurang ini dengan menerangkan proses pembelajaran kognitif dan reflektif yang membolehkan pemikiran futuristik dibangunkan secara sistematik melalui pengalaman keusahawanan sosial. Melalui kitaran pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi abstrak dan eksperimentasi aktif, pelajar mentransformasikan pengalaman menangani isu sosial sebenar kepada idea, model dan tindakan inovatif yang berorientasikan masa hadapan. Integrasi kedua-dua teori ini menjelaskan bahawa keusahawanan sosial menyediakan konteks pembelajaran bermakna, manakala pembelajaran berasaskan pengalaman bertindak sebagai mekanisme pembangunan pemikiran futuristik. Gabungan ini menyumbang kepada literatur dengan memperluas pemahaman tentang bagaimana pendidikan keusahawanan sosial di universiti dapat melahirkan graduan yang berfikir futuristik dan berkeupayaan menjana impak sosial yang mampan.

Kajian menunjukkan bahawa keusahawanan sosial berpotensi memupuk kreativiti, empati, kepekaan terhadap perubahan dan pemikiran sistemik yang merupakan antara ciri penting pemikiran futuristik (Hishamuddin et al., 2024; Deloitte, 2022; Razali et al. 2022). Hal ini disokong oleh kajian Razali et al. (2022) yang menemui bahawa tahap kecenderungan pemikiran pelajar yang bertitik tolak dengan penglibatan dalam program bercorak keusahawanan sosial mampu melonjakkan kreativiti mereka pada tahap tinggi. Pelajar terbabit membuktikan elemen pemikiran reka bentuk yang juga merupakan salah satu dimensi dalam pemikiran futuristik, dipraktikkan dalam tindakan yang memberi impak positif kepada masyarakat. Selain itu, kajian Nicholls & Cho (2008) mengenengahkan dimensi kesosialan, inovatif dan orientasi pasaran sebagai teras gerakan keusahawanan sosial. Hishamuddin et al. (2023) pula menggariskan bahawa kepekaan usahawan sosial perlu terus komited terhadap perubahan sosial yang digariskan semasa meancng aktiviti keusahawanan sosial.

Kajian Miller et al. (2021), memaparkan pemikiran futuristik sebagai gabungan elemen terkehadapan, inovasi, pemikiran sistemik dan kesedaran global yang penting untuk membina graduan yang bersedia menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 dan seterusnya. Sebagai pemangkin transformasi, pelajar universiti memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu inovasi keusahawanan sosial. Dalam konteks pendidikan keusahawanan sosial itu sendiri, pemikiran futuristik membantu pelajar menjadi lebih proaktif dan inovatif. Mereka dilatih untuk mengenal pasti trend masa depan, merancang untuk menghadapi cabaran yang tidak dijangka, dan mencari peluang untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan yang relevan (Abidin, 2020). Pekara ini penting kerana dunia perniagaan hari ini memerlukan pemimpin yang boleh menghadapi perubahan global seperti revolusi teknologi, krisis iklim, dan perubahan demografi.

Menerusi teori pembelajaran melalui pengalaman juga, pemikiran futuristik digambarkan sebagai cerminan kepercayaan bahawa usahawan sosial boleh mencipta masa depan mereka sendiri melalui tindakan inovasi yang berterusan dan berfokus pada impak sosial. Menerusi keusahawanan sosial, individu dengan pemikiran futuristik dan berempati dapat mengenal pasti peluang yang tidak dilihat oleh orang lain dan menjadi usahawan sosial (Sousa-Filho et al., 2023). Dalam dunia yang penuh ketidakpastian, pemikiran ini menjadi semakin kritikal bagi pelajar universiti yang akan menghadapi masa depan yang lebih kompleks dan berubah-ubah. Pemikiran futuristik bukan sahaja melibatkan kebolehan menjangka perubahan teknologi, tetapi juga menilai impak sosial dan ekonomi yang mungkin timbul (Inayatullah, 2008). Walau bagaimanapun, kajian empirikal yang mengaitkan secara langsung kedua-dua elemen ini masih terhad, khususnya dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia.

Gabungan keusahawanan sosial dan pemikiran futuristik dalam pendidikan tinggi memberi kesan yang signifikan kepada perkembangan pelajar (Ahmad & Moi, 2021; Hussin et al., 2021). Pelajar dapat dibantu untuk membangunkan pemikiran kritis dan kreativiti dalam mencari penyelesaian yang lestari kepada masalah sosial yang rumit. Pelajar yang terdedah kepada keusahawanan sosial akan lebih memahami bahawa inovasi dan model perniagaan boleh membawa perubahan positif kepada masyarakat, sementara pemikiran futuristik membantu mereka merancang untuk masa depan yang tidak menentu (Arifin & Siew, 2024; Habidin et al., 2021). Pelajar yang terlibat dalam keusahawanan sosial juga mendapat peluang untuk belajar melalui pengalaman langsung yang melibatkan komuniti (Kahar, 2023). Hal ini bukan sahaja membantu mereka memahami realiti sosial yang dihadapi oleh masyarakat, tetapi juga membina rasa tanggungjawab dan empati.

Program keusahawanan sosial yang melibatkan pelajar dalam projek masyarakat membantu mereka untuk memahami secara mendalam cabaran sosial yang wujud, dan bagaimana mereka boleh menyumbang kepada penyelesaian melalui pendekatan inovatif (Daud & Nordin, 2023). Pemikiran futuristik berperanan melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk melayari dunia perniagaan yang sentiasa berubah (Khalil et al., 2020). Pelajar akan lebih bersedia untuk menghadapi perubahan dalam teknologi dan pasaran, serta dapat menjadi peneraju dalam memperkenalkan inovasi sosial yang relevan dengan keperluan masa depan. Jelasnya, keusahawanan sosial dan pemikiran futuristik merupakan elemen penting dalam pendidikan tinggi masa kini (Yacob et al., 2023).

Berdasarkan pandangan dan hasil kajian di atas, diandaikan bahawa keusahawanan sosial berpotensi secara signifikan untuk menggilap pemikiran futuristik pelajar, sebagaimana yang tertera dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Keusahawanan Sosial dan Pemikiran Futuristik

2.2 Inisiatif Menggilap Pemikiran Futuristik di Universiti Menerusi Keusahawanan Sosial

Universiti memainkan peranan yang besar dalam membina pelajar yang bukan sahaja mahir dari segi akademik, tetapi juga mampu berfikir secara kritis, inovatif, dan empati terhadap masalah sosial (Ibrahim & Mahbob, 2021). Keupayaan untuk meramalkan masa depan dan bertindak balas dengan penyelesaian yang kreatif dan mampan ialah kunci kepada kejayaan usahawan sosial dan pelajar yang ingin menjadi pemimpin perubahan dalam dunia yang penuh ketidakpastian (Baharudin & Aziz, 2020). Oleh itu, pendidikan yang ditawarkan di universiti masa kini perlu menanamkan bukan sahaja ilmu, tetapi keupayaan menjangkakan dan mencorak masa depan.

Antara cabaran utama yang dikenal pasti dalam menggiatkan keusahawanan di universiti berfokus antaranya adalah berpunca daripada kurangnya kefahaman mendalam tentang konsep keusahawanan sosial dan pemikiran futuristik dalam kalangan pelajar (Othman & Radin, 2021). Di samping itu, wujud kekangan masa dalam melaksanakan projek sosial yang benar-benar bersifat transformasi jangka panjang. Selain itu, menurut Roslan et al. (2022), terdapat empat cabaran yang sedang dihadapi dalam pendidikan keusahawanan di universiti, meliputi: 1. reka bentuk kurikulum keusahawanan sosial, 2. masalah kewangan dan pembiayaan, 3. kekurangan profesional untuk mengajar kursus keusahawanan sosial, dan 4. isu persekitaran sosial serta universiti yang melarang penglibatan dalam keusahawanan sosial itu sendiri.

Berdasarkan literatur mengenai keusahawanan sosial dan pemikiran futuristik di universiti berfokus telah menghasilkan beberapa penemuan penting. Hasil kajian literatur mendapati antara strategi yang boleh menggilap pemikiran futuristik menerusi keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar meliputi pembelajaran berasaskan pengalaman (Ab Wahid et al., 2024; Roslan et al., 2022; Yunfeng et al., 2022), kolaborasi universiti dan industri (Hidalgo et al., 2023), kolaborasi universiti dan komuniti (Klarin & Suseno, 2023; Belcher et. al, 2022; Jordan & Mennega, 2022), dan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan sosial (Sharifi & Khoshnevisan, 2025; García-González et al., 2022) yang perlu ditingkatkan.

Pertama, pembangunan kurikulum pendidikan keusahawanan sosial yang futuristik adalah signifikan bagi merealisasikan pelajar universiti yang mampu menghadapi dan menyelesaikan masalah menggunakan pendekatan keusahawanan serta berpemikiran ke hadapan (Roslan et al., 2022). Untuk itu, kurikulum pendidikan keusahawanan yang menggabungkan pengalaman sosial di universiti adalah penting untuk memupuk niat dan minat terhadap keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti. Keusahawanan sosial terbukti mempengaruhi pelajar agar bersikap empati, suka menolong, dan mengenal pasti peluang untuk membantu komuniti yang memerlukan (Ab Wahid et al., 2019).

Selain itu, penambahbaikan modul pembelajaran keusahawanan sosial yang lebih menarik dan interaktif adalah perlu dengan pendedahan kepada aktiviti perniagaan sosial di luar institusi pengajian (Abd Rahim & Md Osman, 2025). Program pendidikan keusahawanan sosial seharusnya digubal merangkumi kaedah untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan dan pengalaman menyelesaikan misi sosial dalam kalangan pelajar. Salah satu cara untuk mencapai matlamat ini ialah dengan menyepadukan program pembelajaran berasaskan pengalaman ke dalam kurikulum universiti semasa, membolehkan pelajar mengusahakan projek keusahawanan sosial dalam komuniti setempat mereka dan pada masa yang sama mencipta penyelesaian terhadap isu sosial tempatan yang berimpak. Dengan menggabungkan unsur pengalaman dalam pendidikan keusahawanan sosial secara signifikan akan mempengaruhi niat pelajar untuk menjadi usahawan sosial (Sousa-Filho et al., 2023), seperti yang berlaku pada program Enactus yang merupakan gerakan keusahawanan sosial terbesar di peringkat universiti (Othman & Radin, 2022).

Kedua, pihak universiti perlu menggalakkan program pembelajaran berasaskan pengalaman (experiential learning) dalam kurikulum keusahawanan sosial. Pembelajaran berasaskan pengalaman akan dapat direalisasikan dengan kolaborasi antara pihak universiti dengan industri atau pihak universiti dengan komuniti (Othman & Radin, 2021). Universiti perlu menggalakkan penglibatan pihak luar dalam projek keusahawanan sosial pelajar bagi menjamin kesinambungan dan impak jangka panjang. Jabatan atau fakulti di universiti perlu mencari dan mencipta projek yang berimpak dengan pihak industri. Universiti digalakkan untuk mencari peluang untuk menawarkan sukarelawan atau pelatih usahawan sosial yang akan bekerjasama dengan perusahaan sosial tempatan, organisasi bukan untung atau usaha sosial. Pengalaman praktikal bekerja dalam projek keusahawanan sosial

akan membantu pelajar membangunkan minda dan kemahiran keusahawanan sosial yang diperlukan untuk berjaya dalam bidang keusahawanan sosial.

Sebagai tambahan, pendidik keusahawanan sosial boleh menggunakan sumber tempatan, seperti mempraktikkan usahawan sosial daripada masyarakat setempat untuk mengajar keusahawanan sosial (Khalim et al., 2025). Masyarakat atau komuniti yang dilibatkan perlu diberi penghargaan serta fungsi mereka dalam menjayakan projek bersama universiti dinyatakan dengan jelas. Hal ini sejajar dengan saranan Jordaan dan Mennega (2022) bahawa semua rakan kongsi komuniti yang mengambil bahagian dalam program keusahawanan sosial ini harus dipandang dan dihargai kerana peranan mereka sebagai mentor dan suri teladan.

Ketiga, latihan keusahawanan sosial kepada tenaga pengajar keusahawanan sosial perlu dibuat secara bersepadu. Pendidikan tinggi dengan tren cabaran kepelbagaian budaya yang semakin meningkat serta komunikasi silang budaya yang mencabar memerlukan kepada kecekapan tenaga pengajar yang tinggi dalam menyediakan bakal usahawan sosial untuk masa depan (Sharifi & Khoshnivesan, 2025). Tenaga pengajar yang mempunyai latar belakang industri amat digalakkan menjadi mentor bagi projek keusahawanan sosial pelajar. Bengkel atau kursus secara berkala perlu diberi kepada pensyarah yang bakal menjadi mentor untuk memahami dan menerapkan konsep pemikiran futuristik dalam pedagogi keusahawanan sosial mereka. Yang penting, profesional yang mengajar keusahawanan sosial perlu mempunyai gabungan pengetahuan perniagaan dan kemahiran sosial (Aparicio et al., 2020).

Antara kemahiran dan pengetahuan kritikal yang diperlukan oleh tenaga pengajar sebelum mengajar keusahawanan sosial meliputi (i) kepimpinan keusahawanan sosial, (ii) optimistik, (iii) kreatif dan inovatif, (iv) empati, (v) altruistik, (vi) pengetahuan perniagaan tersirat, dan (vii) kemahiran berpasukan (Ab Wahid et al., 2024; Karatas-Ozkan et al., 2023). Tenaga pengajar subjek tersebut perlu mencabar andaian tentang keusahawanan sosial dan membangunkan pendekatan baharu untuk mengajar subjek tersebut.

Secara khusus, kertas konseptual ini menyumbang kepada literatur keusahawanan sosial di peringkat pengajian tinggi dengan memperluas kerangka teori sedia ada melalui pengintegrasian pemikiran futuristik sebagai dimensi strategik dalam keusahawanan sosial, yang masih kurang mendapat perhatian dalam kajian terdahulu. Kajian ini mengemukakan dua pemboleh ubah kajian bersepadu gabungan Teori Keusahawanan Sosial dan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Kolb, 1984) bagi menerangkan mekanisme bagaimana pemikiran futuristik dapat dibangunkan secara sistematik melalui pengalaman pembelajaran keusahawanan sosial. Selain memperkayakan perbincangan teori dengan memasukkan orientasi masa hadapan, gabungan kedua-dua konstruk ini berpotensi membentuk model konseptual baharu yang mengintegrasikan pendekatan keusahawanan sosial dengan komponen pemikiran futuristik sebagai kerangka untuk memperkukuh pembangunan pelajar universiti di Malaysia. Model tersebut perlu menekankan keperluan untuk membentuk graduan yang mempunyai kepekaan sosial dan pada masa yang sama mampu meramal, mereka bentuk, serta menilai implikasi masa depan terhadap komuniti dan peluang keusahawanan sosial. Pendekatan ini selaras dengan agenda nasional untuk pembangunan modal insan yang holistik dan mampan.

Jelasnya, kajian lanjutan bagi memperluas wacana akademik perlu digerakkan agar cadangan pengintegrasian pemikiran futuristik ke dalam pendidikan keusahawanan sosial bukan sekadar strategi pedagogi, tetapi juga satu keperluan strategik untuk mempersiapkan pelajar menghadapi ketidakpastian masa hadapan. Dengan mencadangkan penerapan kedua-duanya dalam pendidikan tinggi Malaysia, usaha ini selari dengan agenda kelestarian, pembangunan graduan holistik dan galakan keusahawanan sosial di peringkat nasional, sekaligus membuka ruang kepada kajian empirikal dan pengaplikasian pedagogi yang lebih relevan dan berimpak. Justeru, kertas ini menawarkan asas konseptual yang boleh diuji secara empirikal dalam penyelidikan akan datang, sekaligus membuka ruang kepada pembangunan instrumen, pengukuran baharu dan intervensi pendidikan yang lebih berkesan.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa keusahawanan sosial bukanlah satu mitos dalam konteks menggilap pemikiran futuristik pelajar, sebaliknya ia adalah satu realiti yang berpotensi besar jika dimanfaatkan secara berstruktur. Usaha gigih perlu terus digiatkan ke arah

membudayakan pemikiran keusahawanan sosial yang mampu mengenal pasti peluang membantu masyarakat dengan pendekatan keusahawanan serta pemikiran futuristik yang membolehkan pelajar kekal kompeten. Universiti berfokus perlu bersedia membuka peluang seluas-luasnya kepada pelajar supaya mereka dapat mengusahakan projek-projek keusahawanan sosial bagi membentuk usahawan sosial berpemikiran futuristik untuk negara. Secara keseluruhan, sumbangan ilmiah kertas konseptual ini terletak pada usaha memadankan dua domain yang berkembang pesat iaitu keusahawanan sosial dan pemikiran futuristik ke dalam satu model yang dengan konteks univerti berfokus di Malaysia. Adalah menjadi satu keperluan untuk pelbagai pihak seperti kerajaan, komuniti, badan bukan berorientasi keuntungan dan lain-lain tampil membantu universiti serta menggalakkan program keusahawanan sosial yang menyajikan pengalaman dunia sebenar untuk membangunkan pelajar. Dengan cara ini, universiti yang membangunkan program pendidikan keusahawanan sosial berpeluang bertindak sebagai agen perubahan, membangunkan modal insan untuk menangani cabaran sosial atau persekitaran dan mewujudkan masyarakat yang lebih adil.

PENGHARGAAN

Barisan penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris atas sokongan dan penajaan sumber kewangan bagi menjayakan projek penyelidikan ini. Projek penyelidikan ini adalah di bawah Skim Geran Penyelidikan Strategik (Komprensif-GPKU) dengan Nombor Geran: 2025-0028-106-01.

KONFLIK KEPENTINGAN

Barisan penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam penulisan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Hariyaty Ab Wahid.: Gagasan konsep dan idea penulisan, penyediaan draf artikel. **Rafiduraida Abdul Rahman.**: Kajian kepustakaan, **Wan Salmuni Wan Mustafa.**: Pemurnian artikel. **Wan Mohd Nazri Wan Daud.**: Semakan akhir

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Ketersediaan data bergantung kepada permintaan bagi memelihara kerahsiaan/tuntutan etika.

DEKLARASI GENERATIVE AI

Tiada *generative AI* digunakan dalam penulisan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

- Abd Aziz, A. Z. (2023). Faktor Kecemerlangan Tenaga Pengajar Kemahiran Vokasional Di Institut Latihan Kemahiran (Ilkbs) Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia. *Asia Pacific Journal of Youth Studies (APJYS) Vol, 2(2)*, 23-59. <https://doi.org/10.56390/apjys2022.1.1.6>
- Abd Muin, M.A, Che Omar, A., & Abdullah, S. (2018). Pembentukan Model Amalan Keusahawanan Sosial Islam dalam Kalangan Usahawan Sosial Berjaya Muslim. *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 1*, 16. <https://doi.org/10.32890/jps.21.2018.11550>
- Abd Muin, M. A., Abu Bakar, A., & Abdullah, S. (2014). Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam. *Journal of Human Development and Communication (JoHDEC)*, 3, 129–141.
- Abdullah, N. S. S., & Abd Majid, Z. (2022). Kebolehpasaran Modal Insan Lepasn Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: Isu dan Strategi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001615-e001615. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1615>

- Abd Rahim, A. Nizam, & Md Osman, S. Z. (2025). Kompetensi Keusahawanan Personal Pelajar Kktm/Mjii/lkm Ke Atas Aktiviti Pembelajaran Subjek Keusahawanan Digital. *Management Research Journal*, 14(1), 57-67. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol14.1.5.2025>
- Abidin, M. D. S. Z. (2020). *Panduan Asas Pemikiran Reka Bentuk Produk (UiTM Press)*. UiTM Press.
- Ab Wahid, H., Abdul Jobar, N., Abdul Rahman, R., Wan Mustafa, W.S. & Ahmad, N.L. (2024). *Modul Keusahawanan Sosial: Dari Universiti ke Komuniti OKU*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Ab Wahid, H., Abdul Rahman, R., Ahmad, N. L., Wan Mustafa, W. S., Mohd Rhouse, S., & Yeop Yunus, N. K. (2019). Membangunkan Sosio-ekonomi Komuniti Menerusi Keusahawanan Sosial: Peranan dan Peluang. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 2(8), 13-26. <https://doi.org/10.35631/ijemp.28002>
- Ab Wahid, H., Wan Mustafa, W. S., Abdul Rahman, R., Ahmad, N. L., & Abdullah, M. K. L. (2018). Pemupukan Tret Altruisme Menerusi Program Bercorak Keusahawanan Sosial dalam Kalangan Pelajar Universiti di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 4(11).
- Ab Wahid, H., Abdul Rahman, R., Wan Mustafa, W. S., Ahmad, N. L., Ramdan, M. R., & Muslimat, A. M. (2024). Best Social Entrepreneurship Teaching and Learning Strategies for Promoting Students' Social Entrepreneurial Minds: A Scoping Review. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 23(3), 23-47. <https://doi.org/10.26803/ijlter.23.3.2>
- Achmad, W. (2023). Pemetaan Sosial dan Tanggung Jawab Sosial Perusahaan: Dinamika Program Pemberdayaan di Indonesia. *Innovative: Journal of Social Science Research*, 3(4), 4367-4380.
- Ahmad, A. A., Zain, M. N. M., & Haryanto, R. (2023). Micro Financing Revolution by Dr. Muhammad Yunus Through Grameen Bank: A Movement Towards Eradication of Poverty According to Islam: Revolusi Kewangan Mikro Oleh Dr. Muhammad Yunus Melalui Grameen Bank: Penggerak Ke Arah Pembasmian Kemiskinan Menurut Islam. *al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 31(2), 132-140.
- Ahmad, J., & Moi, S. N. (2021). *Modul PISPP Pemikiran Sains Keusahawanan Sifat Ingin Tahu Terhadap STEM*. Universiti Malaysia Sabah Press.
- Anita, S. B., & Sos, S. (2023). *Entrepreneurship Communication*. Prenada Media.
- Arifin, S., & Siew, N. M. (2024). Kesan Pendekatan Isu Sosiosaintifik dan Pemikiran Reka Bentuk dalam Stem Terhadap Pemikiran Kreatif Keusahawanan Murid Sekolah Menengah. *International Journal of Modern Education (Ijmoe)*, 6(21). <https://doi.org/10.35631/ijmoe.621045>
- Azman, N., Abdullah, N. S., & Komoo, I. (2022). Ciri Akademik Cemerlang di Universiti Awam Malaysia. *Kajian Malaysia*, 40(2), 137-281. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.2.7>
- Azamri, K. M., & Ibrahim, M. A. (2024). Pembiayaan Mikro dalam Kalangan Usahawan Asnaf Zakat: Kajian Kes di Maidam, Terengganu. *Jurnal'Ulwan*, 9(1), 1-13.
- Anwar, G., & Abdullah, N. N. (2021). Inspiring future entrepreneurs: The effect of experiential learning on the entrepreneurial intention at higher education. *International Journal of English Literature and Social Sciences*, 6(2), 183–194. <https://doi.org/10.22161/ijels.62.26>
- Aparicio, S., Turro, A., & Noguera, M. (2020). Entrepreneurship in Social, Sustainable, and Economic Development: Opportunities and Challenges for Future Research. *Sustainability*, 12(21), 8958. <https://doi.org/10.3390/su12218958>.
- Azizan, A. Z., & Abd Rani, N. S. (2024). Hubungan antara Minda Keusahawanan dan Niat Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Research in Management of Technology and Business*, 5(1), 563–578.
- Aziz, K. A., Zulkifle, A. M., & Sarhan, M. H. D. L. (2023). Social Entrepreneurship for Sustainable Community Development: Investigating the Determinants for Youths' Readiness. *Journal of System and Management Sciences*, 13(1), 444-466. <https://doi.org/10.33168/jsms.2023.0124>
- Baharudin, A. K. S., & Aziz, S. (2020). Menganjak ke Satu Pengurusan Sisa Pepejal Secara Lestari di Kampus UKM Bangi, Selangor: Pertimbangan Awal. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2). <https://doi.org/10.17576/personalia.2302.2020.01>
- Belcher, B.M., Claus, R., Davel, R. & Jones. S.M. (2022). Evaluating and Improving the Contributions of University Research to Social Innovation. *Social Enterprise Journal*, 18(1), 51–120. <https://doi.org/10.1108/SEJ-10-2020-0099>.
- Bornstein, D., & Davis, S. (2010). *Social entrepreneurship: What everyone needs to know*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.69492/jbib.v15i1.166>
- Daud, S., & Nordin, M. S. (2023). Elemen Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan dalam Program Latihan Kemahiran TVET: Suatu Penelitian Terhadap Masalah dan Cabaran. *e-BANGI*, 20(3), 96-114. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.09>
- Dees, J. G. (1998). *The Meaning of "Social Entrepreneurship."* Stanford University: Social Innovation Review.

- Diaz Gonzalez, A., & Dentchev, N. A. (2021). Ecosystems in Support of Social Entrepreneurs: A Literature Review. *Social Enterprise Journal*, 17(3), 329–360. <https://doi.org/10.1108/sej-08-2020-0064>
- Fowler, J., F. J. (2009). *Survey Research Methods*. USA: SAGE Publication Inc.
- Gay, L.R., Mills, G.E., & Airasian, P. (2009). *Educational Research Competencies for Analysis and Applications*. Pearson, Columbus.
- García-González, A., & Ramírez-Montoya, M. S. (2023). Social Entrepreneurship Competency in Higher Education: An Analysis Using Mixed Methods. *Journal of Social Entrepreneurship*, 14(1), 91–109. <https://doi.org/10.1080/19420676.2020.1823872>
- Habidin, N. F., Chik, T. W. T., Muhamad, U. A., Ong, S. Y. Y., & Malim, T. (2021). *Cabaran Semasa dan Inovasi dalam Sistem Pembelajaran dan Pendidikan*. Tanjung Malim: Kaizentrenovation Sdn Bhd.
- Hamid, M. A. A., Othman, M. F., Hassan, Z., & Kassim, O. A. (2018). *Pendidikan Bukan Formal (PBF) Di Malaysia: Cabaran Dan Hala Tuju Wawasan 2020*.
- Hamid, N. I., Ab Wahid, H., & Mustafa, W. S. W. (2024). The Effectiveness of a Social Entrepreneurship Module on Social Entrepreneurship Practices Among Public University Students in Education-Focused Universities. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 7(8), 312–329. <https://doi.org/10.35631/ijemp.728021>
- Hidalgo, G., Monticelli, J. M., & Vargas Bortolaso, I. (2024). Social Capital as A Driver of Social Entrepreneurship. *Journal of Social Entrepreneurship*, 15(1), 182–205. <https://doi.org/10.1080/19420676.2021.1951819>
- Hishamuddin, A.Z., Ab Wahid, H. & Abdul Rahman, R. (2023). Social Entrepreneurship Approach Towards Leveraging Persons with Disabilities (PWDs) in Malaysia. *International Business Education Journal*, 16(1), 85–97.
- Hussin, H., Amran, N. N., Rahman, N. F. A., Ismail, A., & Zakaria, Z. (2021). Amalan Pentaksiran Alternatif dalam Program Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Mendepani Cabaran Pandemik Covid-19. *Islamiyyat*, 43(1), 3–14. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4301-01>
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Saim, N. J., Sum, S. M., & Hassan, H. S. A. (2025). Profil Pengalaman Keusahawanan dan Faktor Mempengaruhi Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. *Akademika*, 95(2), 99–115.
- Ibrahim, N. A., & Esa, M. (2016). Integrating social entrepreneurship and sustainability into higher education in Malaysia. *Journal of Social Entrepreneurship Education*.
- Ibrahim, N. A. N., & Mahbob, M. H. (2021). Keterampilan peribadi pelajar sebagai satu bentuk kemahiran komunikasi dan kepentingannya dalam pasaran dunia pekerjaan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37 (1), 209–226. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2021-3701-12>.
- Inayatullah, S. (2008). *Six pillars: Futures thinking for transforming*. Foresight.
- James, J., & Hussin, R. (2021). Impact of Tourism Activities on The Local Community: A Literature Review. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 7(1), 211-224. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v7i1.3612>
- Jordaan, M. & Mennega, N. (2022). Community Partners' Experiences of Higher Education Service-Learning in A Community Engagement Module. *Journal of Applied Research in Higher Education* 14(1), 394–408. <https://doi.org/10.1108/jarhe-09-2020-0327>
- Kahar, S. B. A. (2023, November). Potensi Keusahawanan Sosial Melalui Aktiviti Koperasi di Kalangan Belia Negeri Sabah. In *Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045* (Vol. 14, pp. 134-141).
- Karatas-Ozkan, M., Ibrahim, S., Ozbilgin, M., Fayolle, A., Manville, G., Nicolopoulou, K., Tatli, A., & Tunalioglu, M. (2023). Challenging The Assumptions of Social Entrepreneurship Education and Repositioning It for The Future: Wonders of Cultural, Social and Symbolic Capitals. *Social Enterprise Journal*. <https://doi.org/10.1108/SEJ-02-2022-0018>.
- Kementerian Pembangunan Usahawan. (2023). *Dasar Keusahawanan Nasional 2023*. Putrajaya: KUSKOP.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2022). *Statistik Pendidikan Tinggi 2021*. Putrajaya: KPT.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) (Pendidikan Tinggi)*, Kementerian Pengajian Tinggi: Putrajaya.
- Khalil, A. B. A., Othman, M. K. B., & Saidon, M. K. B. (2020). Memacu pendidikan di era Revolusi Industri 4.0: Penerapan nilai-nilai Islam dan inovasi dalam pengajaran di institusi pengajian tinggi. *Islamiyyat*, 42, 13–20.

- Khalim, M. A., Yusoff, W. Z. W., & Malom, A. Z. M. (2025). Institusi Wakaf Pemacu Matlamat Pembangunan Mampan (Sdg). *Jurnal'Ulwan*, 10(1), 266–273.
- Klarin, A., & Suseno, Y. (2023). An Integrative Literature Review of Social Entrepreneurship Research: Mapping the Literature and Future Research Directions. *Business & Society*, 62(3), 565-611. <https://doi.org/10.1177/00076503221101611>
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning: Experience As the Source of Learning and Development*. Prentice Hall.
- Malaysiagazette. (2023). <https://malaysiagazette.com/2023/02/13/integrasi-usahawan-sosial-dan-teknikal-graduan-ipt-nadi-pelaburan-baharu-masyarakat/>
- Mappah, C. F. M. (2024). *Reka Bentuk Program Latihan Industri Mata Pelajaran Perniagaan Untuk Pelajar Sekolah Menengah Atas* (Master's thesis, University of Malaya (Malaysia)).
- Miller, R. (2018). *Transforming the future: Anticipation in the 21st century*. UNESCO.
- Milojevic, I. (2005). *Educational Futures: Dominant and Contesting Visions*. Routledge.
- Mustafa, M. Z. (2024). The Influence of Critical Thinking on Problem-Solving Skills Among Technical and Vocational Students at Vocational Colleges. *Journal of TVET and Technology Review*, 2(2), 1–11. <https://doi.org/10.30880/jtr.2024.02.02.001>
- Mustaffa, E. N., & Ghani, M. F. A. (2020). Pemikiran Futuristik dalam Kalangan Pemimpin Murid SMKA dan SMA di Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7(3), 54-69.
- Nasir, H., & Sintang, S. (2018). Kajian Futuristik dan Hubungannya dengan Pembangunan Peradaban Islam di Malaysia. *e-BANGI Journal*, 13(2).
- Nasri, A. K., Masri, A. R. A., Mokhtar, R., Ismail, C. B., & Muhammad, N. A. (2024). Modul Pembelajaran Berasaskan Projek: Kesan terhadap Pengetahuan (kognitif) dalam Topik Kanvas Model Perniagaan di Kolej Vokasional Pertanian. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Antarabangsa i-MiND 2024.
- Nawi, N. H. M., & Ismail, M. (2020). *Sinergisme Wakaf Pendidikan Tinggi dan Keusahawanan Sosial Islam* (Penerbit UMK). Penerbit UMK.
- Nicholls, A. & Cho, A.H. (2008). Social entrepreneurship: the structuration of a field. In. Nicholls, A. (Ed.). 2008. *Social Entrepreneurship: New Models of Sustainable Social Change*. New York: Oxford University Press
- Nteere, K. K. (2021). Theories of social entrepreneurship: An empirical review. *The Strategic Journal of Business & Change Management*, 8 (2), 459 – 465. <https://doi.org/10.61426/sjbcm.v8i2.2008>
- Omar, S. N. Z., Cob, C. M. S. C., & Bohari, A. M. (Eds.). (2022). *Kelestarian Perniagaan dan Cabaran Abad ke-21* (UUM Press). UUM Press.
- Othman, M., Jantan, J., & Agos, A. M. (2023). Impak Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Kerja Dalam Membina Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Politeknik METrO Johor Bahru. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 5(3), 75-89. <https://doi.org/10.55057/ijares.2023.5.3.8>
- Othman, N., & Radin A. Rahman, R. S. A. (2021). The Role of Government and Higher Education in Developing Social Entrepreneurship in Malaysia. *Entrepreneurial Activity in Malaysia: A Country Level Perspective*, 85-116. https://doi.org/10.1007/978-3-030-77753-1_5
- Rahayu, I., Suwarna, A. I., Wahyudi, E., Asfahani, A., & Jamin, F. S. (2024). Pendidikan Lingkungan Hidup dengan Membentuk Kesadaran Lingkungan dan Tanggung Jawab Sosial di Kalangan Pelajar. *Global Education Journal*, 2(2), 101-110. <https://doi.org/10.59525/gej.v2i2.344>
- Ramly, R., Sum, S. M., Ishak, S., & Lim, S. B. (2021). Impak Perusahaan Sosial Terhadap Pembangunan Komuniti Rentan dan Alam Sekitar di Malaysia. *Geografia*, 17(2), 159-175. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1702-13>
- Razali, S. N. M., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Tahap Pemikiran Reka Bentuk dan Keusahawanan Sosial dalam kalangan Pelajar Universiti Awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 85-98.
- Roslan, M. H. H., Hamid, S., Ijab, M. T., Yusop, F. D., & Norman, A. A. (2022). Social Entrepreneurship in Higher Education: Challenges and Opportunities. *Asia Pacific Journal of Education*, 42(3), 588-604. <https://doi.org/10.1080/02188791.2020.1859354>
- Saleh, S., Mohamed, A. K., & Ruskam, A. Generasi Z Di Era Revolusi Industri 4.0: Isu Dan Cara Penyelesaian Generations Z in Industrial Revolution 4.0: Issues and Solutions. *Kolokium Antarabangsa Pascasiswazah 2020*, 85.
- Sarasvathy, S. D. (2001). Causation and Effectuation: Toward a Theoretical Shift from Economic Inevitability to Entrepreneurial Contingency. *The Academy of Management Review*, 26(2), 243. <https://doi.org/10.2307/259121>

- Sawal, N., Alavi, K., Ibrahim, F., & Saim, N. J. (2020). Kesiediaan Laluan Kerjaya dalam kalangan Pelajar Kerja Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia (Readiness of Career Path among Social Work Students in Universiti Kebangsaan Malaysia). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 28 – 38.
- Sharpe, B. (2019). *Three horizons: A patterning of hope*. Triarchy Press.
- Syah, F. A. S. A. (2024). Elemen Kemahiran Inovator Akar Umbi Dalam Amalan Penghasilan Inovasi Akar Umbi Kearah Pembangunan Lestari Melalui Perspektif Islam. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 11(1), 82-102. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v11i1.182>
- Sousa-Filho, J. M. D., Granados, M. L., & Lacerda Fernandes, J. A. (2023). Social Entrepreneurial Intention: Educating, Experiencing and Believing. *Studies in Higher Education*, 48(7), 1067-1081. <https://doi.org/10.1080/03075079.2023.2182282>
- Sharifi, S., & Khoshnevisan, F. (2025). Social Entrepreneurship: Recognition of Sociocultural Competencies in the Higher Education Future. *Journal of Applied Research in Higher Education*, 17(1), 439-453. <https://doi.org/10.1108/jarhe-02-2024-0096>
- Teddlie, C., & Yu, F. (2007). *Mixed Methods Sampling: A Typology with Examples*. *Journal of Mixed Methods Research*, 1(1), 77-100. <https://doi.org/10.1177/1558689806292430>
- UNESCO. (2022). *Reimagining our futures together: A new social contract for education*.
- Vázquez-Parra, J. C., García-González, A., & Ramírez-Montoya, M. S. (2022). Ethical Education and Its Impact on The Perceived Development of Social Entrepreneurship Competency. *Higher Education, Skills and Work-Based Learning*, 12(2), 369-383. <https://doi.org/10.1108/heswbl-01-2021-0012>
- Yaacob, Z. (2023). *Keusahawanan: Ekosistem dan Prestasi*. Penerbit USM.
- Yacob, R., Aris, M., Ahmad, R. K., Basar, M. N., Mustapa, S. I. S., Sa'aban, S., ... & Mohideen, S. N. K. (2023). Model Guru Futuristik Malaysia (Gfm): Pembinaan Elemen Menggunakan Teknik Fuzzy Delphi. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(3), 1-12.
- Yunfeng, W., Saad, N. & Yusuf, B. (2022). Impact of Experiential Learning and Social Entrepreneurship Antecedents on Social Entrepreneurship Competency. *Polish Journal of Management Studies*, 26(2), 411-424. <https://doi.org/10.17512/pjms.2022.26.2.25>
- Yunus, J. N. (2022). Opportunities and Challenges in Tertiary Education in the Era of Society 5.0 in the Malaysian Higher Education Context: Peluang Dan Cabaran Pendidikan Tinggi di Era Society 5.0 Dalam Konteks Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Management Research Journal*, 11(2), 74–79. <https://doi.org/10.37134/mrj.vol11.2.7.2022>
- Yunus, M. (2017). *A World of Three Zeros: The New Economics of Zero Poverty, Zero Unemployment, and Zero Carbon Emissions*. Public Affairs.
- Zainal, N. K., Din, W. M., Sum, S. M., Sidek, F., & Rahim, A. A. (2025). Meneroka Konsep Keusahawanan Sosial di Rantau ASEAN: Ulasan Penskopan Definisi. *Jurnal Pengurusan* 75 (2025), 1–14. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2025-75-9>